



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Kembangan Pendidikan / Centre for Educational Extension

Ruj: UKM 3.2.11/262

Tarikh: 27 April 2015

Semua Pelajar Prasiswa
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2014-2015

Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada kalender akademik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), Semester 3 Sesi Akademik 2014-2015 akan diadakan mulai **3 Ogos hingga 20 September 2015**. Oleh yang demikian, suka cita sekiranya saudara/i, dapat memberikan perhatian dan tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah:


- a. Pendaftaran kursus awal akan dijalankan mulai **11 hingga 17 Mei 2015 (seminggu)** secara online melalui laman web <http://www.ukm.my/smpe>. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan nombor katalaluan masing-masing untuk mengelakkan timbul permasalahan kemudian hari;
- b. Kursus yang ditawarkan telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing seperti di laman web <http://www.ukm.my/pkp>. Pendaftaran kursus boleh dibuat melalui komputer yang mempunyai capaian internet dan perisian Java. Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus;
- c. Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2014-2015 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini;
- d. Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:
 - i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2014-2015 adalah **DIWAJIBKAN** oleh pihak fakulti;
 - ii. Pelajar dibenarkan mengambil **TIDAK MELEBIHI DUA (2)** kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;
 - iii. Pelajar hanya boleh membuat pengguguran kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja (**10 hingga 16 Ogos 2015**) ;
 - iv. Penarikan diri daripada kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari **17 Ogos hingga 6 September 2015** dan akan diberikan gred TD;

- v. Permohonan untuk tidak mengikuti Semester 3 bagi pelajar yang telah mendaftar kursus pada minggu pendaftaran hendaklah dibuat secara rasmi kepada Pengarah, PKP setelah disokong oleh Dekan/Penyelaras Program **sebelum 7 Ogos 2015**. Permohonan selepas tarikh tersebut **akan dikira** menarik diri daripada kursus dan diberi gred TD;
- vi. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (semester 1, Sesi Akademik 2015-2016);
- vii. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;
- viii. Kursus yang kurang daripada sepuluh (10) orang pelajar akan dibatalkan dan pelajar diminta mendaftar kursus pada semester berikutnya.

Jika menghadapi sebarang masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada massarah@ukm.edu.my atau datang sendiri ke PKP, Bangi untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI DESA

Ketua Jabatan Pengurusan Akademik
b.p. Pengarah

- s.k. - Timbalan Pengarah, PKP
- Penyelaras Program, PKP
- Ketua Bahagian Akademik & Pentadbiran, PKP



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

TARIKH-TARIKH PENTING UNTUK SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2014-2015

PRASISWAZAH

Perkara	Tarikh
Pendaftaran Kursus Awal	11 hingga 17 Mei 2015 (1 minggu)
Mengambil bahan bacaan di UKM Bangi	1-2 Ogos 2015 (2 hari)
Gugur kursus sahaja	10 hingga 16 Ogos 2015 (1 minggu)
Tarik Diri kursus (TD)	17 Ogos hingga 6 September 2015 (3 minggu)

Bagi tujuan pendaftaran / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe> kecuali bagi permohonan untuk menggantung pendaftaran. Permohonan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas **tidak akan dilayan**.